

Kaji syarat jumlah pelajar perkenal subjek bahasa Tamil

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengkaji semula syarat jumlah pelajar untuk memperkenalkan subjek Bahasa Tamil di sekolah menengah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata cadangan itu akan dikemukakan kepada Menteri Pendidikan, Fadlilina Sidek.

Beliau turut mengakui banyak kebimbangan turut dibangkitkan berkenaan usaha itu, termasuk berkenaan isu pengambilan tenaga pengajar untuk mata pelajaran Bahasa Tamil.

"Ini kerana terdapat kurang daripada 15 pelajar di sekolah untuk mempelajari mata pelajaran itu.

"Bagaimanapun, saya akan memaklumkan kepada Fadhlina supaya membuat pelarasan yang perlu.

"Mungkin kita juga harus mengurangkan had pelajar kepada 9 atau 10 pelajar sahaja untuk membolehkan mereka menguasai bahasa berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peras-

mian Persidangan Penyelidikan Antarabangsa Tamil Ke-11 di Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini.

Sementara itu, ketika berucap pada program anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) di Perkampungan Menara Gading Kebangsaan 2023 pula, Perdana Menteri menasihati kumpulan aktivis pelajar universiti untuk memanfaatkan keterbukaan kerajaan dan institusi pengajian dalam melaksanakan program yang memberi manfaat kepada negara.

Katanya, ketika beliau aktif dalam persatuan sewaktu masih di pengajian universiti dulu, peluang yang diperolehnya adalah begitu terhad sehingga ada ketikanya mereka disekat.

Bagaimanapun, seiring dengan perubahan zaman, aktivis pelajar hari ini tidak boleh mengeluh sebaliknya harus berusaha untuk memanfaatkan setiap peluang yang ada dan terus berjasa kepada rakyat.

"Masa berubah, dahulu kita 'te-



Anwar menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Tamil ke-11 di Universiti Malaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

raba-raba' tetapi hari ini sudah lain kerana kita ada ustaz dan pensyarah yang akan membantunya.

"Malah, di bawah Kementerian Pengajian Tinggi kita mampu-

nyai peluang yang terbuka luas... masa saya (dahulu) ada sekatan... lepas itu saya langsung tidak boleh. Saya boleh mengajar di Georgetown University tetapi tidak boleh masuk di uni-

versiti tempatan.

"Keadaan sekarang lebih baik, (oleh itu) jangan mengeluh dan manfaatkan, tingkatkan mutu perjuangan rakyat, agar hidup itu lebih berjasa," katanya.